

PROMOSI CASH-IN UNTUK DIMENANGI
Kemas kini terakhir pada 12 Disember 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Cash-In Untuk Dimenangi” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **1 Disember 2024** dan berakhir pada **28 Februari 2025**, merangkumi kedua-dua tarikh, melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

TERMA & SYARAT

Promosi ini tertakluk pada terma dan syarat (“T&S”) yang berikut:

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan Bank yang terdiri daripada individu warganegara dan bukan warganegara Malaysia (“Pelanggan Layak”) yang baharu atau sedia ada yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan HLB/ Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”).
- Pihak Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
 - telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, menyalahi undang-undang, atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank.
 - sedang menghadapi prosiding kebangkrapan atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi.
 - telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, dan Terma dan Syarat untuk penggunaan perkhidmatan Bank (secara kolektif, “Terma dan Syarat Berkenaan”) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

MEKANIK PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

- Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak hendaklah menerima wang Pindahan Masuk Telegraf Dari Luar Negara (“ITT”) sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap transaksi ke dalam akaun CASA/CASA-i mereka.

Ganjaran dan Pemilihan Pemenang:

- Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang digariskan di bawah Klausa 3 akan layak untuk mendapat yang berikut:
 - Pulangan Tunai RM20 (“Pulangan Tunai”)** : Pelanggan hendaklah menerima sekurang-kurangnya satu (1) transaksi ITT dengan amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap transaksi bagi mendapatkan Pulangan Tunai pada setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.
 - Hadiah Utama : iPhone 16 Pro Max 256 GB (“Hadiah Utama”)** : Pelanggan hendaklah menerima sekurang-kurangnya dua (2) transaksi ITT dengan amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap transaksi.

Jadual 1

GANJARAN	
Pulangan Tunai RM20	Hadiah Utama: iPhone 16 Pro Max 256 GB
Faedah: Pulangan Tunai RM20 akan diberikan kepada Pelanggan Layak yang menerima sekurang-kurangnya satu (1) transaksi ITT dengan amaun minimum sebanyak RM5,000 bagi setiap transaksi dalam sebulan.	Faedah: iPhone 16 Pro Max 256GB akan diberikan kepada satu (1) Pelanggan yang Layak dengan bilangan transaksi ITT tertinggi bagi setiap bulan. Sebanyak tiga (3) unit Hadiah Utama akan diberikan untuk Promosi ini.

<p>Kelayakan: Ganjaran ini terhad kepada seribu (1,000) Pelanggan Layak pertama yang menerima sekurang-kurangnya satu (1) transaksi ITT dengan amaun minimum sebanyak RM5,000 bagi setiap transaksi.</p> <p>Contoh:</p> <p>(i) Pelanggan Layak yang berjaya menerima satu (1) transaksi ITT dengan jumlah minimum RM5,000 dalam mana-mana bulan semasa Tempoh Promosi, akan menerima Pulangan Tunai RM20.</p> <p>(ii) Pelanggan Layak yang berjaya menerima dua (2) transaksi ITT yang layak dengan jumlah minimum RM5,000 pada bulan yang sama semasa Tempoh Promosi, akan menerima Pulangan Tunai RM20.</p> <p>(iii) Pelanggan Layak yang memperoleh Pulangan Tunai RM20 pada bulan pertama juga boleh memperoleh Pulangan Tunai RM20 pada bulan-bulan berikutnya sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>(iv) Pulangan Tunai RM20 terhad kepada seribu (1,000) Pelanggan unik setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.</p>	<p>Kelayakan:</p> <p>(i) Pelanggan Layak hendaklah menerima sekurang-kurangnya dua (2) transaksi ITT dengan jumlah minimum RM5,000 bagi setiap transaksi dalam bulan yang sama akan layak memenangi Hadiah Utama.</p> <p>(ii) Satu (1) Hadiah Utama akan diberikan kepada Pelanggan Layak yang menerima jumlah terkumpul transaksi ITT yang tertinggi dalam sebulan semasa Tempoh Promosi.</p> <p>(iii) Pelanggan hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>Contoh :</p> <p>(i) Pelanggan Layak yang menerima satu (1) transaksi ITT dalam sebulan, tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Utama.</p> <p>(ii) Pelanggan Layak yang menerima dua (2) transaksi ITT masing-masing bernilai RM3,000 dan RM6,000 setiap transaksi tidak akan layak untuk Hadiah Utama.</p> <p>(iii) Pelanggan Layak yang menerima satu (1) transaksi ITT pada bulan pertama dan satu (1) transaksi pada bulan terakhir dalam Tempoh Promosi tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Utama.</p>
--	--

5. Jumlah peruntukan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
- (a) **Pulangan Tunai RM20** : Terhad kepada seribu (1,000) Pelanggan Layak pertama yang menerima transaksi ITT yang layak iaitu sehingga jumlah keseluruhan Ringgit Malaysia **Dua Puluh Ribu** (RM20,000) setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.
- (b) **Hadiah Utama** : Seorang (1) Pelanggan Layak akan memenangi iPhone 16 Pro Max 256 GB bagi setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi. (“ **Pemenang Hadiah Utama** ”).

Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Layak boleh memenangi Pulangan Tunai dan Hadiah Utama secara serentak sepanjang Tempoh Promosi dengan syarat memenuhi kriteria yang disenaraikan dalam Klausa 4 dan Jadual 1.

PEMENUHAN GANJARAN/HADIAH

(A) Pulangan tunai

6. Seramai tiga ribu (3,000) Pemenang Pulangan Tunai untuk Promosi ini. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak jika peruntukan Pulangan Tunai mencapai hadnya semasa Tempoh Promosi.
7. Pihak Bank akan mengkreditkan Pulangan Tunai ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai masing-masing (iaitu akaun yang digunakan untuk menerima transaksi ITT) dalam tempoh **empat puluh lima (45) hari perniagaan** selepas tamat Tempoh Promosi di mana pembayaran terakhir ialah pada 15 April 2025.
8. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan melalui Notifikasi Aplikasi HLB Connect (“**IAP**”)/ Perkhidmatan Mesej Ringkas (“**SMS**”) atau sebarang kaedah komunikasi lain yang dianggap wajar oleh Bank setelah Pulangan Tunai berjaya dikreditkan kepada Pemenang Pulangan Tunai.
9. Pihak Bank berhak untuk tidak memberi Pulangan Tunai jika CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai (yang digunakan untuk melakukan transaksi pemindahan) tidak aktif atau ditutup sebelum Bank mengkreditkan Pulangan Tunai.

(B) Hadiah Utama: iPhone 16 Pro Max 256 GB

10. Hanya seorang (1) Pelanggan Layak akan diberikan Hadiah Utama setiap bulan. Pemenang Hadiah Utama akan dipilih berdasarkan jumlah bilangan tertinggi transaksi ITT yang berjaya diterima dalam bulan yang sama semasa Tempoh Promosi. Sekiranya lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak telah mengumpul bilangan transaksi ITT tertinggi yang sama, Pelanggan Layak yang **menerima jumlah amaun transaksi terkumpul tertinggi** akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama.
11. Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan di laman sesawang Bank di <http://www.hlb.com.my> dan/atau <http://www.hlisb.com.my> ("**Laman Sesawang Bank**"). Pemenang Hadiah Utama akan juga dimaklumkan melalui e-mel dan/atau IAP dengan butiran yang berkaitan dengan pemenuhan Hadiah Utama dalam tempoh **enam puluh (60) hari perniagaan dari hari pengumuman** .
12. Pihak Bank berhak untuk membatalkan penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan menyerahkan Hadiah Utama kepada Pelanggan Layak yang seterusnya jika pihak Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah Utama atas sebarang sebab. Pemenang yang tidak dapat dihubungi tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Bank atas pembatalan dan kehilangan hak tersebut. CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Utama mestilah kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sehingga tarikh pemenuhan ganjaran dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Berkenaan. Kegagalan untuk mematuhi akan mengakibatkan kelayakan dilucut secara automatik daripada menyertai Promosi ini..
13. Pemenang Hadiah Utama hendaklah berhubung terus dengan Apple Service Centre yang dilantik oleh Pihak Bank untuk sebarang perkara yang berkaitan dengan Hadiah Utama seperti maklumat, tuntutan dan waranti.
14. Pihak Bank tidak memberikan representasi atau waranti mengenai kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang hilang atau dicuri. Pemenang hendaklah, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan secara langsung dengan pihak Apple Service Centre untuk sebarang aduan, pertikaian, atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah Utama, tanpa merujuk kepada Pihak Bank.

UMUM

15. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan Layak bersetuju bahawa maklumat peribadi mereka, termasuk nama dan empat (4) digit terakhir nombor kad pengenalan atau nombor pasport mereka, boleh digunakan untuk tujuan promosi, termasuk penerbitan senarai Pemenang di Laman Sesawang Bank. Adalah menjadi kewajipan Pelanggan untuk memberikan butiran hubungan dan alamat e-mel yang sah dan terkini kepada Bank semasa Tempoh Promosi.
16. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan Terma dan Syarat Berkenaan;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan keperluan yang direkodkan oleh sistem Bank semasa Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan konklusif;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank mengenai semua perkara berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan terikat kepada semua Pelanggan Layak;
 - (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada XOX Technology Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) penyedia perkhidmatan SMS yang dilantik oleh pihak Bank bagi tujuan promosi ini dan/atau bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan alamat e-mel mereka kepada Dcatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Bank untuk menyediakan perkhidmatan e-mel bagi tujuan Promosi ini;
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberi butiran maklumat hubungan yang sah dan terkini termasuk alamat e-mel kepada pihak Bank, dan memaklumkan pihak Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab

- sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak kerana alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan Layak tidak tepat atau tiada penghantaran e-mel atas apa jua sebab sekalipun;
- (vi) bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang Bank secara berkala untuk melihat Terma & Syarat Promosi dan memastikan ia sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (vii) bersetuju bahawa sebarang e-mel yang dihantar kepada Pelanggan Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kawalan sekiranya e-mel tertunda, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan Layak (selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**"). Oleh yang demikian, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima SMS dan/atau e-mel daripada pihak Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan dilayan;
 - (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan pihak Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
17. Pihak Bank berhak:
- (i) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S yang disenaraikan di sini atau penamatan Promosi ini di Laman Sesawang Bank dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak;
 - (ii) untuk menarik semula Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Utama sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Berkenaan dan/atau semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
18. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkaitan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai untuk mengatasi setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini dan apa-apa pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
20. Terma & Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
21. Kecuali dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pen deposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan T&S ini, sila emel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.